

# Kasut manik warisan Melaka



Sulaman bermotif flora dan fauna, warna garang memukau. Identiti warisan Baba Nyonya

Oleh Nazri Abu Bakar  
bhsastera@bh.com.my

**Melaka:** Pembuatannya teliti dan memakan masa berjam-jam malah susunan setiap manik perlu teliti serta membentuk motif yang dihajatkan. Jika salah menyulam, motif tidak terampil malah andai silap memilih warna sepasang kasut pasti saja gagal memukau mata.

Namun, jika betul aturannya kasut manik warisan budaya masyarakat Baba dan Nyonya pasti memikat pandangan biar pun sekilas renungan. Justeru ketelitian dan keunikannya, sepasang kasut manik boleh mencecah harga ratusan malah ada yang ribuan ringgit berdasarkan jenis manik yang digunakan.



Peter Ong

tangan tentu saja berbeza.

Pembuatan kasut manik masih lagi segar di Melaka hingga kini dengan sebahagiannya menjadi ole-oleh terbaik untuk dibawa pulang oleh pelancong. Namun bagi masyarakat Baba dan Nyonya di sana, kasut manik koleksi tinggalan nenek moyang masih lagi tersimpan elok. Malah sebahagian daripada koleksi itu ada yang dihasilkan sekitar 1920-an.

Sebahagian koleksi itu yang kini mencecah usia lebih 100 tahun menjadi tarikan pada Pameran Manik : Our Peranakan Heritage di Dewan Pameran Persatuan Peranakan Cina Melaka di sini, baru-baru ini.

**Usia ratusan tahun**

Presiden Persatuan Peranakan Cina

masyarakat berkenaan memiliki kaki comel dan kecil sekali gus menyerlahkan keunikan kasut manik.

“Sememangnya sukar untuk menghasilkan kasut serta kraf tangan lain berasaskan manik kerana ia memerlukan ketekunan dan fokus yang tinggi selain harga yang dijual juga agak mahal,” katanya.

Tegas Ong, secara tradisinya masyarakat Peranakan Cina Melaka sememangnya sinonim dengan kasut manik. Pemakaian kasut manik dipadankan dengan kebaya nyonya yang menyerlahkan lagi keayuan wanita komuniti.

Ia juga memperlihatkan keunikan identiti masyarakat Baba dan Nyonya sekali gus meningkatkan kecender-

kebaya dan kain batik.

“Kasut manik ini kebiasaannya dijahit menggunakan manik halus atau terma yang diguna pakai zaman dahulu 'manik potong' selain manik peranakan yang kebanyakan dipengaruhi oleh era penjajahan British sekitar tahun 1820 hingga 1914,” katanya.

**Perlu terus dipelajari dan diwarisi**

Walaupun keunikan kasut manik sering menarik minat 'orang luar' namun dalam kalangan generasi muda Baba dan Nyonya, kerja tangan ini perlu terus dipelajari dan diwarisi.

Justeru kata Ong, beliau turut menganjurkan bengkel jahitan manik yang juga turut disertai peserta lelaki sekali gus meningkatkan pengetahuan

yang sinonim dengan masyarakat Baba dan Nyonya seiring dengan tradisi dondang sayang dan warisan pantunnya. Namun kasut manik tidak hanya intim dengan masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka sebaliknya ia turut menjadi identiti masyarakat sama di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, antara keduanya tetap berbeza dari segi gaya dan motif antara kelompok itu di Pulau Pinang dan Melaka. Walaupun masing-masing kekal tampil dengan warna garang, namun rekaan manik dan kehalusan kerja

Melaka, Peter Ong, 68, berkata sehingga kini sebahagian masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka masih menyimpan kasut manik tinggalan generasi terdahulu.

"Kebanyakan kasut berkenaan dihasilkan sekitar 1920-an dengan antara yang menjadi tumpuan kasut lama milik nenek moyang ahli persatuan berkenaan yang masih baik dan dipamerkan.

"Kasut berkenaan kecil sahaja seperti kasut kanak-kanak, namun ia jelas realiti sebenar terdapat komuniti

sekarang yang mengabdikan kesenian kepada generasi muda untuk meneruskan warisan budaya itu.

Tambah Ong, keunikan kasut manik juga terlihat pada sulaman motif pelbagai unsur flora dan fauna. Sulaman itu menggunakan manik halus pelbagai warna. Kepelbagaian itu tegasnya, bertujuan untuk menampilkan keindahan dan seri kasut yang dipakaikan nyonya.

"Disebabkan kasut manik menjadi sebahagian identiti Baba dan Nyonya, sudah menjadi biasa untuk setiap nyonya pasti memiliki sekurang-kurangnya sepasang kasut manik yang dipakai bersama baju

malah, beliau turut berhasrat menjadikan pameran kebudayaan Baba dan Nyonya dianjurkan dianjurkan secara tahunan.

Selain kasut manik, pameran berkenaan turut menampilkan 600 barangan berasaskan manik termasuk beg. Turut menarik perhatian pengunjung adalah bengkel hasil seni sulaman tangan dan pameran sejarah juga asal usul Baba Nyonya.



Sulaman manik pelbagai warna membentuk motif unik dan indah mudah menarik perhatian.

